

<p>Isim maushul (dengan shilahnya kadang-kadang diguna untuk menyatakan `illat hukum (sesuatu kenyataan yang diberikan).</p>	<p>الإِسْمُ الْمَوْصُولُ يُفِيدُ عَلَيْهِ الْحُكْمَ.</p>	<p>قاعدة 25</p>
<p>Di bawah ini dikemukakan dua contoh untuk aplikasi qaedah ini daripada firman Allah s.w.t.:</p> <p>(1)</p>		

ثُمَّ قِيلَ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا ذُوقُوا عَذَابَ الْخُلْدِ هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا بِمَا كُنْتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٥٢﴾

Bermaksud: Kemudian dikatakan kepada orang-orang yang zalim (musyrik) itu: “Rasakanlah azab yang kekal. Tidaklah kamu dibalas melainkan dengan apa yang telah kamu kerjakan (di dunia dahulu).” (Yunus:52).

Isim maushul dengan shilahnya di dalam ayat ini diguna sebagai `illat (sebab) bagi perintah Allah: ذوقوا عذاب الخلد (Rasakanlah azab yang kekal. Tidaklah kamu dibalas melainkan dengan apa yang telah kamu kerjakan). Seolah-olahnya ada pertanyaan di situ, bahawa: “Kenapakan dikatakan begitu kepada mereka? Jawabnya ialah kerana mereka telah berlaku zalim semasa di dunia dahulu.

(ii)

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَعْتٌ وَأَنَّهُمْ سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْيَهَادُ ﴿١٢﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir itu: “Kamu akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihimpunkan (pada hari kiamat) ke dalam Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat yang disediakan.” (Aali `Imraan:12).

Isim maushul dengan shilahnya di dalam ayat ini diguna sebagai `illat (sebab) bagi dikatakan begitu kepada mereka. Kenapakah mereka dikatakan, “Kamu akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihimpunkan (pada hari kiamat) ke dalam Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat yang disediakan.”? Jawabnya ialah kerana mereka kafir.